

04/09/1998

Britain gantung urus niaga ringgit

Azizi Othman

SEMUA bahagian dalam sektor perkhidmatan kewangan di Britain kini menggantung sementara urus niaga membabitkan ringgit selepas mata wang itu diklasifikasikan sebagai `unit terkawal'.

Penggantungan itu dikatakan dibuat selepas semua bank, syarikat kewangan, firma pelaburan dan broker mata wang dinasihatkan supaya berbuat demikian oleh bank pusat di sini, Bank of England (BOE).

Bagaimanapun, jurucakap BOE ketika dihubungi enggan mengesahkan pihaknya mengeluarkan arahan itu tetapi menyatakan langkah penggantungan terbabit memang sesuai diambil buat sementara waktu.

Semua jurucakap firma perkhidmatan kewangan di London, memberitahu penggantungan itu dibuat sebaik saja Malaysia mengumumkan akan mengenakan langkah kawalan yang ketat terhadap ringgit, kelmarin.

Tinjauan mendapati sejumlah besar pengurup wang di negara ini juga sudah tidak mahu lagi mengendalikan urus niaga menggunakan ringgit, kecuali sebilangan kecil yang hanya sanggup menjualnya, tetapi tidak membeli.

Ia dibuat bagi membolehkan mereka melupuskan semua pegangan ringgit yang masih ada bagi mengelak daripada menanggung risiko kerugian apabila nilainya ditetapkan atau tiada pihak sanggup membelinya.

Jurucakap Barclays Bank Plc (Barclays), ketika dihubungi semalam berkata, pihaknya membekukan semua urus niaga dalam mata wang ringgit sebaik saja langkah kawalan itu diumumkan oleh Malaysia.

"Sehubungan itu, semua pertanyaan yang membabitkan ringgit juga kini disalurkan kepada wakil peniaga kami yang sentiasa mengikuti perkembangan terkini di Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, National Westminster Bank Plc (NatWest) pula berkata semua urusan membabitkan ringgit kini dihentikan sementara, kecuali bagi urus niaga tertentu yang tidak termasuk dalam sekatan itu.

"Begitupun, kami tidak akan mengendalikan urusan itu sekarang, sebaliknya ia hanya boleh dibuat selepas kami mendapat maklumat yang jelas mengenai langkah sekatan mata wang yang dikenakan oleh Malaysia," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa langkah sekatan ketat terhadap ringgit, yang disifatkan penganalisis di sini sebagai menamatkan dagangan antarabangsa unit itu.

Antaranya, dagangan semua instrumen ringgit di kalangan bank luar pesisir kini tidak dibenarkan manakala institusi tempatan tidak lagi boleh memberi kemudahan kredit dalam negara kepada bank bukan residen dan firma broker saham.

(END)